

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sekiranya Kementerian akan bekerjasama dengan syarikat penerbangan tempatan sekali lagi untuk memperkenalkan penerbangan tambahan dengan harga tetap antara Kuala Lumpur - Sandakan pada musim perayaan Hari Raya Haji yang akan datang untuk membolehkan lebih ramai orang Sabah pulang untuk meraikannya bersama keluarga.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penularan wabak COVID-19 telah menjejaskan industri penerbangan negara. Jumlah perkhidmatan penerbangan penumpang berjadual telah mencatat penurunan sebanyak 94.3 peratus iaitu dari 8,709 kekerapan seminggu pada Mei 2019 kepada hanya 493 kekerapan seminggu untuk tempoh yang sama pada 2020. Jumlah destinasi penerbangan juga berkurangan dari 137 destinasi pada Mei 2019 kepada 57 destinasi untuk tempoh yang sama pada 2020. Jumlah purata trafik penumpang bulanan juga telah menunjukkan penurunan mendadak sebanyak 97.2% iaitu dari 8.3 juta penumpang pada Mei 2019 kepada hanya 232,793 penumpang pada Mei 2020.

Statistik menunjukkan trend penurunan permintaan penumpang domestik dan antarabangsa mulai 1 Mac 2020. Jumlah permintaan penumpang berkurangan daripada 280,321 sehari pada bulan Januari 2020 kepada 7,500 sehari bagi bulan Mei 2020. Berdasarkan unjuran senario trafik penumpang Malaysia 2020, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) menjangkakan jumlah tempat duduk perkhidmatan penerbangan penumpang akan berkurangan kepada 54.3 juta hingga 56.0 juta bersamaan -48.7% hingga -50.3% pada tahun 2020 (2019 mencatatkan 109.2 juta penumpang).

Pada masa ini, nisbah penawaran tempat duduk seminggu adalah melebihi daripada permintaan (*supply over demand*) pada kadar 1.9 :1 (Jun 2020). Ini menunjukkan tahap keyakinan terhadap penerbangan masih rendah sehingga menyebabkan penawaran tempat duduk oleh syarikat penerbangan adalah lebih tinggi daripada permintaan. Syarikat penerbangan juga pada masa ini beroperasi pada kadar 20% dari kapasiti sebenar. Perkara ini telah menyebabkan harga tambang lebih tinggi bagi membolehkan syarikat penerbangan mendapatkan pulangan modal (*breakeven*).

NO. SOALAN : 25

Pada masa ini, terdapat penerbangan terus oleh Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan AirAsia dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan klia2 ke Lapangan Terbang Sandakan dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 11 kali seminggu. Manakala dari destinasi-destinasi lain seperti Kota Kinabalu, Kudat, Tawau dan Lahad Datu pula, jumlah kekerapan adalah sebanyak 51 kali seminggu yang disediakan oleh AirAsia dan MASwings.

Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (network coverage), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Kerajaan sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan semasa musim-musim perayaan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi. Berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh Suruhajaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bagi tempoh di antara 2 Jun hingga 17 Jun 2020, harga tambang penerbangan terutama dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak telah menunjukkan trend penurunan berbanding bulan Mei 2020.

Pada masa yang sama, Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan MAVCOM untuk memantau kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan secara berterusan dan mengadakan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat penerbangan bagi memastikan harga tambang yang dikenakan adalah kompetitif.

Sekian, terima kasih.